

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Peranti keselamatan jaga bayi baharu lahir	Berita Harian
2.	Tingkat keselamatan ibu, bayi	Sinar Harian
3.	Peranti keselamatan ibu, bayi diperkenal	Utusan Malaysia
4.	Teknologi RFID untuk keselamatan bayi	Sinar Harian
5.	Banting Hospital, first government medical institution equipped with B-Tag & Track System	BERNAMA
6.	B-Tag and Track keeps an eye on mothers and their newborns	Yahoo News
7.	MoU to set up the first National Innovation Centre in Sabah	Daily Express
8.	Usahawan perlu bekerjasama dengan universiti bangunkan teknologi dalam perniagaan – MTDC	BERNAMA
9.	SME Entrepreneurs need to collaborate with universities – MTDC	BERNAMA
10.	Galak kerjasama bangun teknologi	Harian Metro
11.	SIRIM sediakan 2 juta sampel pembungkusan GB	Utusan Malaysia

Peranti keselamatan jaga bayi baharu lahir

➔ Hospital Banting pertama guna B-Tag&Track elak anak dicuri, tertukar

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com

► Banting

Hospital Banting dipilih sebagai hospital kerajaan pertama menyediakan peranti keselamatan B-Tag&Track yang berfungsi menjaga keselamatan bayi baharu lahir.

Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata peranti berkenaan juga dapat mengelakkan risiko kecurian atau penukaran bayi walaupun kes seumpama itu tidak

banyak di negara ini.

Katanya, peranti berkenaan menggunakan sistem Identifikasi Frekuensi Teknologi Radio (RFID) sebagai mengesan dan penentuan kedudukan ketika berada dalam wad.

Pengesanan sepadan

"Peranti ini juga berkeupayaan membuat pengesanan sepadan di antara ibu dan bayi secara automatik dan ia diletakkan di badan ibu, bayi serta katil mereka.

"Tag ini digunakan dengan aplikasi perisian keselamatan bayi yang menyediakan pengesanan

dan pemantauan lokasi tepat pada setiap masa. Sebagai contoh, bayi yang dibawa keluar wad tanpa kebenaran akan dapat dipantau menggunakan peranti ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Peranti Btag&Track, di Agensi Angkasa Negara, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara, Dr Noordin Ahmad dan Timbalan Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Murniati Hasan.

Wilfred berkata, bayi yang meng-



Madius Tangau beramah mesra dengan Rosyati Bayet (kiri) dan bayinya yang menerima peranti keselamatan sistem B-Tag & Track sambil diperhatikan Dr Noordin (dua dari kanan) dan Dr Murniati (kanan) di Hospital Banting, semalam.



Amaran berkenaan akan dikesan melalui bunyi siren atau notifikasi yang dihantar ke dalam e-mel"

Wilfred Madius Tangau,
Menteri Sains, Teknologi
Dan Inovasi

gunakan peranti terbabit akan dapat dipantau, malah jururawat mampu mengesan sekiranya ada pihak yang cuba menanggalkan alat berkenaan.

Bunyi siren

Katanya, amaran berkenaan akan dikesan melalui bunyi siren atau notifikasi yang dihantar ke dalam e-mel.

"Peranti ini diharap dapat memudahkan tugas jururawat. Kerajaan juga merancang untuk memperluaskan lagi penggunaan peranti ini di hospital awam lain," katanya.

Tingkat keselamatan ibu, bayi

Hospital Banting dipilih sebagai hospital kerajaan pertama guna peranti B-Tag & Track

KUALA LANGAT - Hospital Banting dipilih sebagai hospital kerajaan pertama di Malaysia menggunakan Sistem Peranti Keselamatan Bagi Kaum Ibu dan Bayi (B-Tag & Track) yang baharu dilahirkan di hospital kerajaan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) melalui Agensi Angkasa Negara (Angkasa).

Menterinya, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, penggunaan Teknologi Radio Frequency Identification (RFID) yang digunakan dalam peranti B-Tag & Track telah diguna pakai secara meluas di sektor angkasa khususnya di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) bagi pengurusan inventori dan juga penentuan kedudukan perkakasan tertentu.

Menurutnya, kini teknologi RFID telah diadaptasikan ke Peranti B-Tag & Track bagi penentuan kedudukan dalam bangunan yang menjamin keselamatan bayi semasa berada di dalam wad.

"Selain itu, peranti ini juga berkeupayaan untuk buat pengesanan sepadan antara ibu dan bayi secara automatik.

"Saya yakin dengan adanya sistem ini bantu tingkatkan keyakinan rakyat dalam menggunakan perkhidmatan perubatan yang telah disediakan pihak kerajaan khususnya yang melibatkan kelahiran bayi," katanya pada sidang media selepas Perasmian Majlis Penyerahan Mosti Social Innovation (MSI), Peranti Keselamatan Bagi Kaum Ibu Dan Bayi Yang Baru Dilahirkan di Hospital Kerajaan (B-Tag & Track) di Angkasa, semalam.

Wilfred Madius berkata, projek perintis itu merangkumi sistem keselamatan yang ditempatkan di Wad 1 dan Wad 2 Hospital Banting yang terdiri daripada dua komputer yang dilengkapi perisian keselamatan, 20 set lengkap RFID tag untuk bayi, ibu dan bayi bagi kelahiran tunggal; satu set lengkap RFID tag bagi kelahiran kembar, enam RFID receiver ditempatkan di siling di sepanjang wad, empat door mount exciter di pintu masuk dan keluar wad.

Katanya, dengan adanya sistem B-Tag & Track ini dapat memudahkan tugas harian jururawat dalam memastikan tahap keselamatan bayi yang baharu dilahirkan di hospital kerajaan berada dalam keadaan yang selamat.

"Program Inovasi Sosial (MSI) adalah berteraskan program jangka luar ke peringkat akar umbi yang telah dilancarkan pada 16 April 2015



Wilfred bersama sebahagian tetamu menunjukkan plakard promosi National Innovation and Economy Creative (NICE) Expo 2017 anjuran Mosti pada 12 hingga 16 Oktober di Technology Park Malaysia, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara.

dan merupakan tanggungjawab sosial korporat yang memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar khususnya kumpulan B40.

"Sistem ini telah pun digunakan oleh hospital swasta terpilih," katanya.

Elak kes kehilangan bayi

Sementara itu, Ketua Pengarah

Agensi Angkasa Negara, Dr Nordin Ahmad berkata, kaedah pengenalanpastian bayi yang baharu dilahirkan kini memerlukan jururawat memeriksa identifikasi kod secara manual untuk memadamkan bayi yang baharu lahir kepada ibunya.

Katanya, kaedah itu kadangkala boleh menyebabkan berlaku-

nya kes pertukaran bayi yang boleh berlaku pada bila-bila masa kerana kesilapan atau kecuai manusia.

"Keadaan itu boleh menyebabkan trauma kepada pihak yang terlibat apabila bayi disusukan oleh ibu bapa lain, bayi diberi ubat yang salah atau bayi dibawa pulang oleh ibu bapa yang salah.

"Jadi, bila sistem B-Tag & Track diperkenalkan di hospital kerajaan dapat bantu pantau keselamatan bayi melalui amaran sekiranya berlakunya pergerakan bayi tanpa kebenaran atau percubaan untuk menanggalkan tag akan dapat dikesan oleh jururawat yang bertugas melalui bunyi siren dan notifikasi emel," katanya.

Sementara itu, Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman ketika ditemui gembira apabila hospital itu dipilih menjadi hospital kerajaan pertama yang menggunakan sistem tersebut.

Katanya, biarpun belum pernah berdepan dengan sebarang

INFO • Sistem peranti itu juga berkeupayaan membuat pengesanan sepadan antara ibu dan bayi secara automatik

kes keselamatan bayi namun pihak hospital sentiasa meningkatkan keselamatan dan beliau tidak menyangka sistem itu diguna pakai buat kali pertamanya di hospital kerajaan.

Ibu teruja dapat guna B-Tag & Track

Seorang ibu, Sufiah Ibrahim, 31, berkata, dia menyambut baik usaha penggunaan RFID berkenaan.

Menurutnya, dia tidak sangka menjadi penghuni wad yang menggunakan B-Tag & Track di hospital itu.

Katanya, sebelum ini dia bimbang setiap kali hendak meninggalkan anak ke tandas.

"Lebih-lebih lagi bila waktu melawat, pelawat ramai...kalau tak ada orang jaga anak kita, risiko kehilangan anak boleh berlaku kalau tak ada alat pengesanan.

"Sebagai ibu yang dah melahirkan anak ketiga ini setuju sekiranya penggunaannya dikuatkuasakan di semua hospital bukan sahaja di swasta tetapi kerajaan," katanya.

Rosyati Bayet, 24, pula berkata, alat canggih berkenaan sebenarnya perlu dikuatkuasakan di semua hospital kerajaan segera.

"Jika alat ini digunakan sedikit sebanyak bantu elak kes kehilangan anak.

"Ia sekaligus memudahkan pihak hospital mengesan sekiranya bayi dibawa lari, atau tidak padan dengan ibunya," katanya.



Wilfred beramah mesra dengan Rosyati yang baharu sahaja melahirkan anak lelaki di Hospital Banting.



Jururawat Wad 2 Hospital Banting ketika memeriksa alat B-Tag & Track yang dipakai Sufiah dan anaknya.



Madius bersama Nordin dan Dr Sabrina pada sidang media, semalam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 27 SEPTEMBER 2017 (RABU)



WILFRED MADIUS TANGAU menyerahkan peranti keselamatan ibu dan bayi kepada **Sabrina Che Ab. Rahman** dalam Majlis Penyerahan *B-Tag & Track* di Hospital Banting, Kuala Langat, semalam. - **UTUSAN/MOHD SHAHATRANI SAIBI**

Peranti keselamatan ibu, bayi diperkenal

KUALA LANGAT 26 Sept. - Hospital Banting muncul sebagai hospital kerajaan pertama di negara ini dilengkapi dengan sistem peranti keselamatan ibu dan bayi yang mampu menangani insiden tertukar bayi atau diculik ketika berada di wad bersalin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, sistem yang dikenali sebagai *B-Tag & Track* itu telah dipasang di hospital berkenaan melalui projek perintis, hasil kerjasama pihaknya dengan Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, sistem yang dibangunkan oleh Agensi Angkasa Negara (Angkasa) itu boleh memantau kedudukan bayi di wad bersalin, selain berupaya melakukan pengesanan sepadan antara ibu dengan anak secara automatik.

"Sebelum ini, ibu dan bayi perlu memakai tanda nama. Melalui sistem ini, mereka hanya perlu memakai peranti khas di tangan ibu dan kaki bayi.

"Dengan adanya peranti ini, ia akan meningkatkan tahap keselamatan ibu dan bayi sepanjang mereka berada di hospital. Saya yakin dengan penggunaan peranti ini, ia dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan di hospital kerajaan, khususnya melibatkan kelahiran bayi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Sistem *B-Tag & Track* kepada Hospital Banting di pejabat Angkasa di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha kementerian, Prof.



Sebelum ini, ibu dan bayi perlu memakai tanda nama. Melalui sistem ini, mereka hanya perlu memakai peranti khas di tangan ibu dan kaki bayi."

WILFRED MADIUS TANGAU

**Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi**

Madya Dr. Ramzah Dambul; Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Dr. Murniati Hasan; Ketua Pengarah Angkasa, Dr. Noordin Ahmad dan Pengarah Hospital Banting, Dr. Sabrina Che Ab. Rahman.

Sementara itu Noordin memberitahu, sistem *B-Tag & Track* yang dipasang pada ibu, bayi dan katil bayi itu menggunakan identifikasi frekuensi radio (RFID) dan tidak memberi sebarang kesan sampingan kepada bayi.

"Sistem ini dapat mengelak kes tertukar bayi kerana peranti itu secara automatik mengesahkan padanan ibu dan bayi. Apabila peranti didekatkan antara ibu dengan bayi sepadan, ia mengeluarkan lampu berwarna hijau dan jika tidak sepadan, ia mengeluarkan lampu berwarna merah.

"Semua amaran untuk pergerakan bayi tanpa kebenaran atau usaha menanggalkan peranti itu pula akan dapat dikesan oleh jururawat melalui bunyi siren atau notifikasi secara e-mel," ujarnya.



Banting Hospital, First Government Medical Institution Equipped With 'B-Tag & Track' System

BANTING, Sept 26 (Bernama) -- Banting Hospital has been chosen as the first government medical institution to be equipped with a safety feature for mothers and their newly born babies via the 'B-Tag & Track' system to reduce the risk of baby switching or theft.

The system is developed by the **National Space Agency (Angkasa)** using the Radio Frequency Identification (RFID) technology on its peripheral devices to enable the position of the mother and baby to be detected accurately at any time while inside the ward.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the system could increase public confidence to always choose the medical services provided by the government, especially in terms of childbirth.

"Although cases of baby switching is not a big phenomenon in the country, we are applying the technology development to produce a system that can help manage a branch of the service in hospital well to ensure the safety of babies while in the ward.

"Apart from enhancing public awareness on the state of the art technology, my ministry hopes the system can be extended to other government hospitals in future," he told reporters after the handing over of the 'B-Tag & Track' device to Banting Hospital here today.

Madius said RM200,000 was allocated to develop the system under the ministry's research budget with 20 RFID sets being provided for the 'B-Tag & Track' system initially.

All parties needed not to worry about any hacking or intrusion into the security system as it was being monitored constantly by Cyber Security Malaysia, he added.

-- BERNAMA



Teknologi RFID untuk keselamatan bayi



Wilfred Madius turut beramah mesra dengan seorang ibu

KUALA LANGAT - Hospital Banting, Kuala Langat dipilih sebagai hospital kerajaan pertama di Malaysia menggunakan Sistem Peranti Keselamatan Bagi Kaum Ibu dan Bayi yang baharu dilahirkan di hospital kerajaan (B-Tag & Track) oleh **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** melalui **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)**.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, penggunaan Teknologi Radio Frequency Identification (RFID) yang digunakan dalam peranti B-Tag & Track telah digunakan secara meluas di sektor angkasa khususnya di Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) bagi pengurusan inventori dan juga penentuan kedudukan perkakasan tertentu.

Menurutnya, kini teknologi RFID telah diadaptasikan ke Peranti B Tag & Track bagi penentu kedudukan dalam bangunan yang menjamin keselamatan bayi semasa berada di dalam wad.



Rosyati Bayet, 24, yang baharu sahaja melahirkan anak lelaki di Hospital Banting.

"Selain itu, peranti ini juga berkeupayaan untuk membuat pengesanan sepadan antara ibu dan bayi secara automatik.

"Saya yakin dengan adanya sistem ini membantu meningkatkan keyakinan rakyat dalam menggunakan perkhidmatan perubatan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan khususnya yang melibatkan kelahiran bayi,"katanya ketika dalam Sidang Media selepas Perasmian Majlis Penyerahan Mosti Social Innovation (MSI) Peranti Keselamatan Bagi Kaum Ibu Dan Bayi Yang Baru Dilahirkan di Hospital Kerajaan (B-Tag&Track) di Agensi Angkasa Negara (Angkasa).

Wilfred Madius berkata, projek perintis ini merangkumi sistem keselamatan yang ditempatkan di Wad 1 dan Wad 2 Hospital Banting yang terdiri daripada dua buah komputer meja komputer yang dilengkapi perisian keselamatan, 20 set lengkap RFID tag untuk bayi, ibu dan bayi bagi kelahiran tunggal, satu set lengkap RFID.tag bagi kelahiran kembar, enam RFID receiver di tempatkan di sillings di sepanjang wad, empat door mount exciter di pintu masuk dan keluar wad.

Katanya, dengan adanya sistem B Tag & Track ini dapat memudahkan tugas harian jururawat dalam memastikan tahap keselamatan bayi yang baharu dilahirkan di hospital kerajaan berada dalam keadaan yang selamat.



B-Tag and Track keeps an eye on mothers and their newborns

KUALA LANGAT: Banting Hospital became the first public health facility in the country to keep track and the safety of mothers and their new-born's, through a locally developed safety device.

Called the B-Tag and Track (Safety Device For Mothers and Newborn Babies Delivered in Government Hospitals) it is a pilot project spearheaded and developed by the National Space Agency (Angkasa).

The tags utilising the Radio Frequency Identification (RFID) technology serves to enhance safety and protect babies from being switched, kidnapped or brought out of the hospital's delivery, post natal or paediatric wards without authorisation.

The B-Tag and Track, comes in a set of three wireless box shaped tag devices measuring less than an inch with replacable hypoallergenic straps, are worn on the mother's hand and her baby's ankle in a pairing system, the third tag meanwhile is attached to the baby's cot.

All devices are monitored through the B-Tag and Track database system stationed at the hospital's post natal ward where 6 RFID receivers have been installed on the walls alongside 4 door at the entrance and exit doors, mounted with excimers.

When a mother and baby pairing is correct, the tag plays a lullaby and a green LED light flickers, and if there is a mismatch, a warning beep and a red LED light will come on.

The database system's alarms will be raised when it detects any unauthorised exit of babies from the ward, the straps are tampered or becomes loose, the mother and baby tags are untraceable by the RFID receiver within 10 minutes.

The straps will be removed upon both mother and their respective infants discharged.

Science, Technology and Innovation minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau who launched the B-Tag and Track system, here, today, handed 21 sets of the devices, including a set for twin babies, to Banting Hospital director Dr Sabrina Che Ab Rahman

It was witnessed by its director-general Dr Noordin Ahmad as well as Selangor state health department deputy director Dr Murniati Hassan. Wilfred said the pilot project took three months to develop, at a cost of RM200,000 and comes under the ministry's Social Innovation Programme aimed at benefiting the rural folk especially those in the B40 group.



Science, Technology and Innovation minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau who launched the B-Tag and Track system, here, today, handed 21 sets of the devices, including a set for twin babies, to Banting Hospital director Dr Sabrina Che Ab Rahman. Pix by Intan Nur Elliana Zakaria

"We hope the B-Tag and Track will further strengthen the safety and security of mothers and their newborn. With these devices, I am sure it will assist in improving the delivery services in hospitals. We hope to expand this to other government hospitals in the future," he said.

The B-Tag and Track, Sabrina said, had been in place since Sept 19 and about 10 mothers and their babies had since utilised the devices. Meanwhile, Rosyati Baneh who delivered her fourth child at the hospital yesterday, said she felt more secure with the B-Tag and Track.

"I used to be worry about babies being switched when they are placed in the nursery or when I needed to leave my baby to use the bathroom. Now, I am at ease and do not have to worry when I need to move around," said the 24-year-old. B. Daniyaria, 33, said she was comfortable wearing the tag which is lightweight and it also posed no complications to her newborn son.

"I read the brochures on B-Tag and Track and felt this is a good idea where it removes the worry of mothers. With this, now I don't have to trouble nurses or other mothers to take care of my baby when I need to use the bathroom," she said.

Daily Express

INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA 
Established since 1963

MoU to set up the first National Innovation Centre in Sabah

Kota Kinabalu: Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) has signed a Memorandum of Understanding (MoU) with Sabah Institute of Development Studies (IDS) to establish the first National Innovation and Creative Economy (Nice) Centre in Sabah under YIM.

This agreement was inked on Sept 21 (Thursday) by YIM Chief Executive Officer Tany Anthony Kiob and IDS Executive Director Datuk Mohd Hasnol Ayub, witnessed by Science, Technology and Innovation Minister cum YIM Chairman Datuk Seri Wilfred Madius Tangau and IDS Chairman Datuk Seri Clarence B. Malakun.

Nice Centre is an innovation-focused commercialisation platform, especially grassroots innovation, with a mission to accelerate the development of local industries.

It is based on the principles of partnership and collaboration, committed to creating a conducive local innovation environment, focusing on the development of youths, guest innovators and local companies towards achieving competitive advantage in every component of the value chain of entrepreneurship and ultimately achieving commercialisation success.

YIM is an agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) aimed at driving innovation and creativity among Malaysians, primarily targeting children, youths, women, rural community, disabled and non-governmental organisations.

YIM has embarked on the Grassroots Innovation Movement in 2011 where many awareness programmes, capacity building as well as innovation development were carried out with the support of Mosti.

Among them are Jejak Inovasi Programme, High Impact Programme 6, Kids Invent and Mainstreaming Grassroots Innovation.

IDS is a research institute with expertise in decision-making, including problem-solving research on administrative and socio-economic development, analysis of policy proposals submitted by the public and the conduct of forums and discussions with the aim of soliciting public opinions about the problems and issues that could affect socio-economic development.

YIM and IDS cooperation will open a new chapter in the development of innovation in Malaysia.

It also strengthens networking and collaboration, especially in Sabah, in a mission to encourage Malaysians to make sustainable reforms and solutions to the problems faced by communities at the mission of generating wealth through innovation.

Through the agreement, YIM and IDS can utilise assets, knowledge, skills and expertise in their respective fields to be shared and applied together, especially in the areas of ??Rapid Rural Appraisal, community profiling, research, innovation and commercialisation.

The cooperation is in line with the nation's vision of enhancing the use of the principle of National Blue Ocean Strategy or NBOS and promoting social and economic development in line with the National Transformation 2050 (TN50).



Usahawan Perlu Bekerjasama Dengan Universiti Bangunkan Teknologi Dalam Perniagaan - MTDC

KOTA KINABALU, 26 Sept (Bernama) -- **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** menggalakkan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bekerjasama dengan universiti termasuk institusi penyelidikan tempatan bagi menyuntik serta membangunkan teknologi dalam perniagaan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata langkah itu penting bagi meningkatkan potensi perniagaan para usahawan IKS di negara ini sekali gus memastikan produk mereka tidak hanya berada dalam pasaran domestik tetapi berupaya menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau berkata revolusi industri ketika ini amat memerlukan para usahawan menerapkan elemen teknologi dan inovasi dalam perniagaan mereka.

"Universiti dan institusi penyelidikan tempatan mempunyai ramai pakar yang menghasilkan R&D (penyelidikan dan pembangunan) terhadap sesuatu industri. Justeru, usahawan IKS digalak untuk menggunakan kesemua sumber itu, yang mungkin ada yang belum diterokai, bagi menyuntik aspek teknologi dan inovasi dalam perniagaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program MTDC Road2Growth, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Norhalim berkata, kerjasama itu juga mampu memanfaatkan sepenuhnya usaha pembangunan dan penyelidikan yang dibuat oleh ahli akademik tempatan seterusnya mengurangkan kebergantungan para usahawan kepada teknologi dan inovasi yang dihasilkan negara luar.

Menurutnya, MTDC, yang merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, sentiasa bersedia menjadi platform memperkasa kerjasama antara usahawan IKS dan universiti bagi membolehkan hasil penyelidikan di makmal dikomersialkan ke pasaran.

"Kami boleh membantu memadankan usahawan IKS dengan kepakaran dan universiti yang tepat. Namun, usahawan perlu terlebih dahulu mengenal pasti apakah teknologi sesuai untuk syarikat mereka yang boleh digunakan secara strategik dalam memberi hasil optimum untuk bersaing dalam pasaran," katanya.

Mengenai program MTDC Road2Growth, Norhalim berkata, jerayawara sehari itu adalah platform untuk memberi pendedahan kepada para usahawan di Sabah tentang perkhidmatan ditawarkan perbadanan tersebut dalam membantu mereka mengembangkan perniagaan dan seterusnya menjadi usahawan tekno.

Menurutnya, kehadiran seramai 150 peserta pada program tersebut membuktikan kesedaran para usahawan tempatan Sabah terhadap kepentingan menggunakan teknologi dan inovasi dalam perniagaan semakin meningkat dan beliau berharap kesedaran tersebut diterjemahkan dalam perniagaan mereka.

Program seumpama itu turut akan diadakan di Kuching, Sarawak, pada Khamis ini.

-- BERNAMA



SME Entrepreneurs Need To Collaborate With Universities - MTDC

KOTA KINABALU, Sept 26 (Bernama) -- **Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)** encourages small and medium enterprise (SME) entrepreneurs to collaborate with local universities and research institutions to adopt and develop technologies in their business.

Its **Chief Executive Officer, Datuk Norhalim Yunus** said this was crucial in order to enhance the potential of SME entrepreneurs in churning out products not only for the domestic market but also the global market.

He said they needed to embrace technological and innovative elements in their business to keep pace with the fourth industrial revolution (Industry 4.0).

"SME entrepreneurs are encouraged to use research and development (R&D) on various industries produced by local universities and research institutions.

"Maybe some of these R&D remain untapped. So, SME entrepreneurs can capitalise on these R&D to inject technologies and innovations into their business to reduce dependence on technologies and innovations from overseas," he told reporters after launching the MTDC Road2Growth here today.

He said MTDC, a wholly-owned subsidiary of Khazanah Nasional Bhd and an agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation, is poised to be a platform to empower collaboration between SME entrepreneurs and universities to enable research from laboratories be commercialised.

"We can help match SME entrepreneurs with the right expertise and universities, but they need to identify what technology is appropriate for their companies that can be used strategically to optimise results in order to compete in the market," he said.

On the programme, Norhalim said the one-day roadshow, which was attended by 150 entrepreneurs from Sabah, was a platform for MTDC to raise their awareness on its services to help them become techno-entrepreneurs.

The next programme will be held in Kuching on Thursday.

-- BERNAMA



Galak kerjasama bangun teknologi



NORHALIM (depan, kiri) bersama Christina (kanan) selepas merasmikan MTDC Road2Growth 2017.

Kota Kinabalu: **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** menggalakkan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bekerjasama dengan universiti termasuk institusi penyelidikan tempatan bagi menyuntik serta membangunkan teknologi dalam perniagaan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata, langkah itu penting bagi meningkatkan potensi perniagaan usahawan IKS di negara ini, sekali gus memastikan produk mereka tidak hanya berada dalam pasaran domestik, sebaliknya berupaya menembusi pasaran antarabangsa.

Menurutnya, revolusi industri ketika ini memerlukan usahawan menerapkan elemen teknologi dan inovasi dalam perniagaan mereka.

“Universiti dan institusi penyelidikan tempatan mempunyai ramai pakar yang menghasilkan R&D (penyelidikan dan pembangunan) terhadap sesuatu industri. Justeru, usahawan IKS digalak untuk menggunakan semua sumber itu yang mungkin ada yang belum diterokai bagi menyuntik aspek teknologi dan inovasi dalam perniagaan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program MTDC Road2Growth di sini, semalam.

Menurutnya, kerjasama itu juga mampu memanfaatkan sepenuhnya usaha R&D yang dibuat ahli akademik tempatan seterusnya mengurangkan kebergantungan usahawan kepada teknologi dan inovasi dihasilkan negara luar.

Katanya, MTDC sebagai anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa bersedia menjadi platform memperkasa kerjasama antara usahawan IKS dan universiti bagi membolehkan hasil R&D dikomersialkan ke pasaran.

"Kami boleh membantu memadankan usahawan IKS dengan kepakaran dan universiti yang tepat, namun usahawan perlu terlebih dulu mengenal pasti teknologi sesuai untuk syarikat mereka yang boleh digunakan secara strategik dalam memberi hasil optimum untuk bersaing dalam pasaran," katanya.

Mengenai program MTDC Road2Growth, Norhalim berkata, jerayawara sehari itu adalah platform untuk memberi pendedahan kepada usahawan di Sabah mengenai perkhidmatan ditawarkan dalam membantu mereka mengembangkan perniagaan, seterusnya menjadi usahawan tekno.



Sirim sediakan 2 juta sampel pembungkusan GB



Mohd. Zulkurnain Che Ali (dua dari kiri) bersama Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani (dua dari kanan), Rogayah Kadari dan Dr. Mohamad Jamil Sulaiman (kiri) pada majlis perasmian Tapak Rintis Premis Hijau dan Sistem Pencernaan Anaerobik di Subang Jaya, semalam. Ihsan Sirim

KUALA LUMPUR 26 Sept. – **SIRIM Bhd.** menyediakan dua juta sampel pembungkusan Hijau-Biru (GB) bagi peniaga di premis makanan hijau yang telah dilancarkan di Port Dickson, Melaka dan USJ Subang Jaya.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sirim, Profesor Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, selain itu Sirim juga akan memperuntukkan sampel sama di Sepang yang dijangka dilancarkan pada November depan.

Katanya, ia merupakan sebahagian daripada projek mewujudkan industri pembungkusan GB sebagai langkah memperkasa industri berkenaan melalui pewujudan rantai nilai industri pembungkusan GB.

“Di bawah inisiatif ini juga, sistem pencernaan anaerobik turut diperkenalkan di premis makanan hijau yang akan merawat pembungkusan GB bersama sisa makanan untuk menghasilkan biogas dan biobaja sebagai pendekatan

mombaikpulih sumber dan seterusnya mengurangkan pelepasan gas hijau," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Di bawah projek Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) itu, Medan Selera USJ 7, Subang Jaya dipilih sebagai tapak rintis premis makanan hijau yang ketiga selepas Medan Ikan Bakar Kampung Gelam, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Medan Selera Kompleks Melaka Mall, Ayer Keroh, Melaka.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Mohd Zulkurnain Che Ali dan Setiausaha Bahagian Kanan Sektor Teknologi Hijau KeTTHA, Rogayah Kadari dan Naib Presiden Perindustrian Sirim, Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman.

Pembungkusan GB merupakan teknologi pembungkusan inovatif yang menggabungkan konsep biodegradasi dan pembaik pulih sumber bagi menyokong kelestarian alam sekitar dan perniagaan.

Dalam pada itu Ahmad Fadzil berkata, bagi tujuan pensijilan Pelabelan Eko Premis Makanan Mesra Alam, sebanyak 65 gerai di medan selera terpilih akan menerima khidmat perundingan sebagai persediaan awal sebelum audit dijalankan oleh badan pensijilan SIRIM QAS International.